

02 JUN 2000

MAERSK-PTP/I

MAERSK SEALAND NAK MULAKAN SINGGAHAN LIMA KALI SEMINGGU DI PTP

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Pengendali perkapalan utama dunia, Maersk Sealand, akan memulakan perkhidmatan lima kali seminggu di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) bermula 8 Jun ini.

Perkhidmatan itu termasuk singgahan mingguan ke/dari Amerika Syarikat, singgahan mingguan ke/dari Timur Tengah dan singgahan mingguan ke/dari Eropah Utara.

Ketua pegawai eksekutif PTP Mohd Sidik Shaik Osman berkata perkhidmatan singgahan mingguan tetap terus Maersk Sealand di PTP itu menunjukkan bahawa singgahan terus ke pelabuhan itu akan berkembang bermula daripada sekarang.

"Ia juga adalah satu permulaan yang baik di alaf baru selepas hanya tiga bulan beroperasi sejak pembukaan rasminya," kata PTP dalam satu kenyataan.

Perkhidmatan itu pastinya mendatangkan keuntungan kepada syarikat perkapalan kawasan pedalaman Johor tempatan yang kini mempunyai pilihan untuk memuatkan kargo mereka secara terus menerusi PTP dan mengelakkan perkhidmatan seumpamanya yang lebih mahal ke Singapura, tambah kenyataan itu.

PTP terletak di laluan sibuk perkapalan antarabangsa di barat daya Johor dan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 Mac di hadapan 1000 wakil sektor kerajaan, perkapalan dan pelabuhan antarabangsa dan tempatan.

Pembangunan Fasa Pertama terdiri daripada enam dermaga kontena berjumlah 2,160 meter daripada segi ukuran.

Kemudahan Fasa Pertama termasuklah enam dermaga dengan keluasan 2.16 kilometer dan sejumlah 1.2 juta meter persegi kawasan yang dikhaskan untuk kegiatan pengendalian dan penyimpanan kontena.

Pelabuhan itu akan dilengkapi dengan 18 kren Super Post Panamax dengan ukuran ketinggian 53 meter dan 58 kren gantri bertayar getah

Sokongan prasarana termasuklah jalan laluan sejauh 5.4-kilometer yang menghubungkan PTP ke Laluan Kedua Malaysia/Singapura yang telah beroperasi dan hubungan jalan keretapi sejauh 31.5-kilometer yang menghubungi kepada grid jalan keretapi kebangsaan di Kempas yang akan siap sepenuhnya pada Januari 2002.

Apabila Fasa Pertama siap sepenuhnya kelak, PTP akan mampu mengendalikan sehingga 3.8 juta TEU (unit persamaan dua-puluh kaki) setahun.

-- BERNAMA

MSL ZK MA